

D.R. 28/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa semua peruntukan atau peruntukan yang berlainan Akta ini, berkenaan dengan kelas atau kategori orang atau sekuriti yang berlainan.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Kumpulan Wang” takrif yang berikut:

‘ “Lembaga Pemantauan Audit” ertinya Lembaga Pemantauan Audit yang ditubuhkan di bawah seksyen 31c;’; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “Mahkamah” takrif yang berikut:

‘ “Majlis Penasihat Syariah” ertinya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’.

Pindaan seksyen 15

3. Subseksyen 15(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (n) dengan perkataan “; dan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (n) perenggan yang berikut:

“(o) mendaftar semua juruaudit entiti berkepentingan awam bagi maksud Akta ini, dan menggalakkan dan membangunkan suatu kerangka kerja pemantauan audit yang berkesan di Malaysia.”.

Bahagian baru IIIA

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian III Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIIA

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENGGAL 1

Permulaan

Tafsiran bagi maksud Bahagian IIIA

31A. Dalam Bahagian ini—

“entiti berkepentingan awam” ertinya entiti yang dinyatakan dalam Jadual 1;

“Institut Akauntan Malaysia” ertinya Institut Akauntan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Akauntan 1967 [Akta 94];

“juruaudit” ertinya juruaudit perseorangan atau firma audit yang didaftarkan di bawah seksyen 31o sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam;

“Pegawai Pemeriksa” ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh Lembaga Pemantauan Audit untuk menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 31v;

“Pegawai Penyiasat” ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh Lembaga Pemantauan Audit untuk menjalankan siasatan di bawah seksyen 31w;

“pihak berkuasa berkaitan” termasuklah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan mana-mana pihak berkuasa lain yang ditentukan oleh Menteri.

PENGGAL 2

Penubuhan dan Fungsi Lembaga Pemantauan Audit

Fungsi Suruhanjaya berhubungan dengan pemantauan audit

31b. Fungsi Suruhanjaya yang berhubungan dengan pemantauan audit adalah seperti yang berikut:

- (a) menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang berkesan dan teguh di Malaysia;
- (b) menggalakkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit di Malaysia; dan
- (c) mengawal selia juruaudit entiti berkepentingan awam.

Penubuhan Lembaga Pemantauan Audit

31c. (1) Bagi maksud menunaikan fungsinya di bawah seksyen 31B, Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Pemantauan Audit.

(2) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Suruhanjaya:

- (a) seorang pengerusi eksekutif; dan
- (b) enam anggota bukan eksekutif.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), anggota yang dilantik oleh Suruhanjaya—

- (a) mesti mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kewangan, perniagaan, atau dalam apa-apa disiplin lain yang berkaitan;
- (b) mesti merupakan individu yang mempunyai integriti dan reputasi yang telah menunjukkan komitmen terhadap kepentingan pelabur; dan
- (c) mesti memahami tanggungjawab bagi dan sifat penzahiran kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh entiti berkepentingan awam.

(4) Pengerusi eksekutif hendaklah berkhidmat sepenuh masa dan tidak boleh—

- (a) diambil kerja oleh mana-mana orang lain atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti profesional atau perniagaan yang lain;
- (b) menjadi pengarah atau pemegang syer mengawal mana-mana entiti berkepentingan awam, perbadanan berkaitannya atau syarikat bersekutunya;
- (c) mempunyai apa-apa bahagian dalam apa-apa keuntungan sesuatu firma perakaunan atau pengauditan; dan
- (d) menerima bayaran daripada mana-mana firma perakaunan atau pengauditan atau daripada mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya, selain bayaran tetap yang berterusan di bawah perkiraan lazim bagi persaraan daripada sesuatu firma perakaunan atau pengauditan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

(5) Dalam seksyen ini, “pemegang syer mengawal” ertinya seseorang yang—

- (a) berhak untuk menjalankan, atau mengawal penjalanan, tidak kurang daripada lima belas peratus undi yang berkaitan dengan syer mengundi dalam sesuatu syarikat;
- (b) mempunyai kuasa untuk melantik atau menyebabkan dilantik bilangan majoriti pengarah sesuatu syarikat; atau
- (c) mempunyai kuasa untuk membuat atau menyebabkan dibuat, keputusan berkenaan dengan urusan atau pentadbiran sesuatu syarikat, dan untuk melaksanakan keputusan itu atau menyebabkan keputusan itu dilaksanakan.

(6) Pada setiap masa, tidak lebih daripada dua anggota bukan eksekutif Lembaga Pemantauan Audit hendaklah merupakan anggota Institut Akauntan Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Akauntan 1967 sebagai akauntan bertauliah, akauntan berlesen atau anggota bersekutu.

Pemakaian Jadual 2

31D. (1) Jadual 2 terpakai bagi anggota Lembaga Pemantauan Audit.

(2) Menteri boleh meminda Jadual 2 melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Tanggungjawab Lembaga Pemantauan Audit

31E. (1) Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 31F, tanggungjawab Lembaga Pemantauan Audit dalam membantu Suruhanjaya menunaikan fungsinya di bawah seksyen 31B, adalah seperti yang berikut:

- (a) melaksanakan dasar dan program bagi memastikan suatu sistem pemantauan audit yang berkesan di Malaysia;

- (b) mendaftarkan juruaudit entiti berkepentingan awam bagi maksud Akta ini;
- (c) mengarahkan Institut Akauntan Malaysia supaya mengadakan atau menerima pakai, atau melalui kedua-duanya, piawaian pengauditan dan etika yang hendaklah dipakai oleh juruaudit;
- (d) menjalankan pemeriksaan dan program pemantauan ke atas juruaudit untuk menilai tahap pematuan piawaian pengauditan dan etika;
- (e) menjalankan siasatan dan mengenakan sanksi yang sesuai terhadap juruaudit yang tidak mematuhi piawaian pengauditan dan etika;
- (f) bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumuskan dan melaksanakan strategi bagi penambahbaikan tahap penzahiran kewangan entiti berkepentingan awam;
- (g) berhubung dan bekerjasama dengan badan pemantauan di luar Malaysia untuk menambah baik kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa; dan
- (h) melaksanakan apa-apa kewajipan atau fungsi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pemantauan Audit sebagai perlu atau sesuai untuk menggalakkan piawaian profesional yang tinggi bagi juruaudit dan untuk membaiki kualiti perkhidmatan audit yang diberikan oleh juruaudit.

(2) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah melaksanakan tanggungjawab di bawah subseksyen (1) bagi pihak dan atas nama Suruhanjaya.

Suruhanjaya boleh memberikan arahan am atau khusus kepada Lembaga Pemantauan Audit

31F. Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, memberi Lembaga Pemantauan Audit apa-apa arahan am atau khusus yang selaras dengan peruntukan Bahagian ini.

Penzahiran kepentingan

31G. (1) Seseorang anggota Lembaga Pemantauan Audit yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui anggota keluarganya, apa-apa kepentingan mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menzahirkan kepada Lembaga itu hakikat dan jenis kepentingannya.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga Pemantauan Audit dan, selepas penzahiran itu, anggota yang mempunyai kepentingan dalam perkara itu —

(a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Lembaga Pemantauan Audit; dan

(b) tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk kuorum Lembaga Pemantauan Audit.

(3) Mana-mana anggota Lembaga Pemantauan Audit yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga Pemantauan Audit boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga Pemantauan Audit telah melanggar peruntukan seksyen ini.

PENGGAL 3

Kewangan

Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit

31H. (1) Bagi maksud Bahagian ini, Suruhanjaya hendaklah menubuhkan dan mentadbirkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit”.

(2) Aset Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menjadi harta Suruhanjaya dan hendaklah disimpan berasingan dan dipisahkan daripada harta Kumpulan Wang.

(3) Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa bagi maksud Bahagian ini;
- (b) sumbangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 31i;
- (c) fi pendaftaran yang ditetapkan di bawah seksyen 31o;
- (d) penalti yang dikenakan di bawah seksyen 31z;
- (e) fi atau bayaran lain yang dikenakan di bawah Bahagian ini;
- (f) wang yang didapatkan atau diperoleh daripada apa-apa pelaburan Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit; dan
- (g) semua jumlah wang atau harta lain yang, dengan apa-apa cara, kena dibayar kepada atau terletak hak pada Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya di bawah Bahagian ini.

Sumbangan

31i. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan orang yang dikehendaki untuk membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit dan amaun sumbangan itu.

(2) Sumbangan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah digunakan hanya bagi maksud menjalankan fungsi Suruhanjaya di bawah seksyen 31b.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit

31j. Suruhanjaya hendaklah menggunakan wang dalam Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga Pemantauan Audit termasuk fi dan kos guaman dan fi dan kos lain, dan saraan orang yang diambil kerja atau diambil khidmat oleh Suruhanjaya bagi maksud penjalanan fungsi Suruhanjaya dan tanggungjawab Lembaga Pemantauan Audit dalam Bahagian ini, termasuk pemberian pinjaman, elaun persaraan dan ganjaran kepada orang sedemikian;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam merancang dan melaksanakan program membina keupayaan yang berhubungan dengan profesion perakaunan dan pengauditan; dan
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Lembaga Pemantauan Audit bagi melaksanakan peruntukan Bahagian ini.

Pelaburan

31k. Wang dalam Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit hendaklah, setakat yang ia tidak dikehendaki untuk dibelanjakan di bawah Bahagian ini, dilaburkan oleh Suruhanjaya mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

Laporan tahunan dan akaun

31l. (1) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyediakan suatu laporan mengenai aktivitinya dalam tahun kewangan itu dan menghantar suatu salinan laporan itu kepada Suruhanjaya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), laporan itu hendaklah menyatakan—

- (a) penilaian Lembaga Pemantauan Audit tentang prestasi dan keberkesannya dalam menunaikan tanggungjawabnya di bawah seksyen 31E;
- (b) penilaian tentang risiko signifikan yang berhubungan dengan kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan entiti berkepentingan awam sebagaimana yang dikenal pasti oleh Lembaga Pemantauan Audit dalam perjalanan pemeriksaan dan siasatannya, dan langkah-langkah penting yang disyorkan oleh Lembaga Pemantauan Audit untuk mengatasi risiko itu;
- (c) sistem, prosedur dan amalan yang digunakan oleh Lembaga Pemantauan Audit untuk menilai keberkesanan operasinya; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang menjejaskan penjalanan fungsi Lembaga Pemantauan Audit.

(3) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan suatu salinan laporan tahunan dikemukakan kepada Menteri.

(4) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit dan hendaklah menyediakan suatu kunci kira-kira berkenaan dengan akaun itu.

(5) Akaun Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit hendaklah disimpan berasingan daripada akaun Suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 29.

(6) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan penyata akaun Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit diaudit oleh juruaudit yang dilantik oleh Suruhanjaya.

(7) Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, menghantar suatu salinan penyata akaun Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

31M. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] tidak terpakai bagi Lembaga Pemantauan Audit.

PENGGAL 4

Pendaftaran sebagai Juruaudit Entiti Berkepentingan Awam

Kehendak bagi pendaftaran sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam

31N. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika dia didaftarkan di bawah Penggal ini—

- (a) mengemukakan dirinya atau bertindak sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam;
- (b) dengan disedarinya bersetuju untuk dilantik dan dengan disedarinya bertindak sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam; atau
- (c) menyediakan untuk atau bagi pihak entiti berkepentingan awam apa-apa laporan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 supaya disediakan oleh seseorang juruaudit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam

31o. (1) Permohonan bagi pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam bagi maksud Akta ini hendaklah dibuat kepada Lembaga Pemantauan Audit.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1)—

- (a) hendaklah dibuat dalam bentuk yang ditentukan oleh Lembaga Pemantauan Audit; dan

(b) hendaklah disertai dengan—

(i) fi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan

(ii) apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pemantauan Audit.

(3) Tertakluk kepada seksyen 31P, Lembaga Pemantauan Audit boleh meluluskan atau menolak pendaftaran seseorang pemohon atau pembaharuan pendaftaran seseorang juruaudit.

(4) Lembaga Pemantauan Audit boleh, selepas pendaftaran seseorang pemohon atau pembaharuan pendaftaran seseorang juruaudit, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat dan dari semasa ke semasa meminda mana-mana syarat itu atau mengenakan syarat baru atau syarat tambahan.

(5) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepada juruaudit yang berkenaan tentang pindaan mana-mana syarat pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran, dan syarat-syarat itu sebagaimana yang dipinda atau syarat baru atau syarat tambahan itu hendaklah berkuat kuasa pada masa notis itu disampaikan atau pada bila-bila masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, mengikut mana-mana yang kemudian.

Penolakan pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran

31P. (1) Lembaga Pemantauan Audit boleh menolak pendaftaran seseorang pemohon atau pembaharuan pendaftaran seseorang juruaudit jika Lembaga Pemantauan Audit berpuas hati bahawa pemohon atau juruaudit itu—

(a) bukan atau terhenti menjadi juruaudit yang diluluskan di bawah seksyen 8 Akta Syarikat 1965;

(b) telah disabitkan—

(i) di dalam atau di luar Malaysia, atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan lain;

- (ii) atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perlindungan orang awam terhadap kerugian kewangan yang disebabkan oleh—
 - (A) kecurangan, ketidakkompetenan atau salah amalan oleh orang berkenaan dalam mengadakan perkhidmatan kewangan atau pengurusan syarikat; atau
 - (B) perbuatan bankrap yang dilepaskan atau yang belum dilepaskan;
 - (c) telah melibatkan diri dalam apa-apa amalan yang menunjukkan ketidakbolehpercayaan terhadap keupayaannya untuk memenuhi piawaian pengauditan profesional;
 - (d) merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan di dalam atau di luar Malaysia;
 - (e) tertakluk kepada sanksi yang dikenakan di bawah seksyen 31Z; atau
 - (f) tidak mematuhi mana-mana kehendak lain Bahagian ini atau mana-mana notis bertulis atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini.
- (2) Jika Lembaga Pemantauan Audit menolak pendaftaran seseorang pemohon atau pembaharuan pendaftaran seseorang juruaudit, Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepada pemohon atau juruaudit itu yang menyatakan bahawa pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran itu ditolak dan alasan bagi penolakan itu.
- (3) Lembaga Pemantauan Audit tidak boleh menolak pendaftaran seseorang pemohon atau pembaharuan pendaftaran seseorang juruaudit tanpa memberi pemohon atau juruaudit itu peluang untuk didengar.

Kuasa untuk membatalkan dan menggantung pendaftaran

31Q. (1) Lembaga Pemantauan Audit boleh, pada bila-bila masa, membatalkan atau menggantung pendaftaran seseorang juruaudit jika—

- (a) terdapat alasan yang membolehkan Lembaga Pemantauan Audit menolak sesuatu permohonan di bawah subseksyen 31P(1); atau
- (b) juruaudit itu melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan oleh Lembaga Pemantauan Audit berkenaan dengan pendaftarannya di bawah Bahagian ini.

(2) Penggantungan di bawah subseksyen (1) boleh dilanjutkan atau dibatalkan pada bila-bila masa oleh Lembaga Pemantauan Audit sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

(3) Jika Lembaga Pemantauan Audit berhasrat untuk membatalkan atau menggantung pendaftaran seseorang juruaudit, Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepada juruaudit berkenaan yang menyatakan bahawa pendaftarannya akan dibatalkan atau digantung dan alasan bagi pembatalan atau penggantungan itu.

(4) Lembaga Pemantauan Audit tidak boleh membatalkan atau menggantung pendaftaran di bawah subseksyen (1) atau (2) tanpa memberi juruaudit itu peluang untuk didengar.

(5) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang juruaudit yang pendaftarannya telah dibatalkan atau digantung hendaklah disifatkan tidak didaftarkan dari tarikh pembatalan atau penggantungan itu berkuat kuasa atau apa-apa tarikh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pemantauan Audit.

Pemberitahuan tentang penolakan, pembatalan atau penggantungan

31R. Jika seseorang juruaudit termasuk dalam ruang lingkup subseksyen 31P(1) atau 31Q(1), juruaudit itu hendaklah, dengan serta-merta selepas mengetahui berlakunya perkara itu, memberitahu Lembaga Pemantauan Audit secara bertulis dengan menyatakan butir-butir yang berkaitan.

Tempoh pendaftaran

31s. (1) Pendaftaran di bawah subseksyen 31o(3) hendaklah bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh kelulusannya atau dari apa-apa tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Pemantauan Audit secara bertulis.

(2) Pendaftaran seseorang juruaudit boleh dibaharui selama tempoh dua belas bulan selanjutnya atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga Pemantauan Audit dari tarikh tempoh pembaharuan itu sepatutnya berakhir.

Daftar juruaudit

31t. (1) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Juruaudit dalam bentuk dan mengikut cara yang difikirkannya patut.

(2) Maka hendaklah dipotong daripada Daftar nama dan butir-butir lain mana-mana juruaudit yang terhenti didaftarkan di bawah Bahagian ini.

(3) Mana-mana orang boleh, selepas membayar fi yang ditetapkan, memeriksa dan mengambil cabutan daripada Daftar yang disimpan dan diselenggarakan di bawah subseksyen (1).

PENGGAL 5

Mengadakan Piawaian Pengauditan dan Etika

Piawaian pengauditan dan etika

31u. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menerima pakai piawaian pengauditan dan etika yang hendaklah dipatuhi oleh seseorang juruaudit setakat dan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai.

(2) Bagi maksud mengadakan piawaian pengauditan dan etika, Lembaga Pemantauan Audit boleh mengadakan atau membenarkan kakitangannya mengadakan jawatankuasa penasihat sebagaimana yang sesuai, yang boleh terdiri daripada akauntan dan pakar lain, dan pemegang kepentingan yang lain, untuk membantu Lembaga Pemantauan Audit mengenai kandungan piawaian pengauditan dan etika.

(3) Lembaga Pemantauan Audit boleh mengarahkan Institut Akauntan Malaysia supaya mengadakan atau meminda piawaian pengauditan dan etika yang hendaklah dipatuhi oleh seseorang juruaudit.

PENGGAL 6

Pemeriksaan dan Siasatan

Pemeriksaan

31v. (1) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah, dari semasa ke semasa, menjalankan pemeriksaan untuk menilai—

- (a) tahap pematuhan piawaian pengauditan dan etika oleh seseorang juruaudit; dan
- (b) kualiti laporan audit yang disediakan oleh juruaudit yang berhubungan dengan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam.

(2) Pemeriksaan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan oleh mana-mana pegawai Lembaga Pemantauan Audit atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga Pemantauan Audit yang disebut sebagai “Pegawai Pemeriksa” dalam Penggal ini.

(3) Juruaudit, pekongsinya dan pekerjanya hendaklah bekerjasama dengan Pegawai Pemeriksa, yang menjalankan siasatan di bawah seksyen ini, dalam perkara yang berikut:

- (a) memberikan akses kepada semua buku, akaun, kertas kerja atau dokumen lain yang berkaitan;
- (b) mengemukakan salinan atau cabutan daripada mana-mana buku, akaun, kertas kerja atau dokumen lain yang berkaitan itu; dan

- (c) memberikan maklumat melalui temuduga secara lisan, secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan atau dikehendaki oleh Pegawai Pemeriksa.

(4) Pada penutup pemeriksaan yang dibuat di bawah seksyen ini, Pegawai Pemeriksa hendaklah menyediakan suatu draf laporan pemeriksaan dan suatu salinan draf laporan itu hendaklah diberikan kepada juruaudit yang berkenaan.

(5) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah dengan segera membincangkan dapatan laporan pemeriksaan itu dengan juruaudit yang berkenaan dan selepas mengambil kira representasi yang dibuat oleh juruaudit itu, Pegawai Pemeriksa hendaklah memuktamadkan draf laporan pemeriksaan itu.

(6) Juruaudit yang berkenaan hendaklah, dengan sertamerta, melaporkan kepada Lembaga Pemantauan Audit semua langkah pemulihan yang telah dan sedang diambil berhubungan dengan apa-apa dapatan yang dibangkitkan dalam laporan pemeriksaan itu.

(7) Lembaga Pemantauan Audit boleh menyiarkan laporan pemeriksaan yang disebut dalam subseksyen (5) jika juruaudit itu tidak mengambil langkah-langkah pemulihan yang berkaitan di bawah subseksyen (6).

Siasatan

31w. (1) Jika Lembaga Pemantauan Audit berpuas hati, selepas menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 31v, bahawa terdapat sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana juruaudit—

- (a) melanggar mana-mana peruntukan Bahagian ini; atau

- (b) melanggar atau tidak mematuhi—

- (i) mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 31o(4); atau

- (ii) mana-mana notis bertulis atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya,

Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyiasat perkara itu.

(2) Siasatan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan oleh mana-mana pegawai Lembaga Pemantauan Audit atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga Pemantauan Audit yang disebut sebagai “Pegawai Siasatan” dalam Penggal ini.

Kuasa untuk meminta maklumat

31x. (1) Bagi maksud sesuatu siasatan, Pegawai Siasatan boleh, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada seseorang, meminta orang itu—

- (a) memberikan segala bantuan yang munasabah berkaitan dengan siasatan itu; dan
- (b) hadir di hadapannya atau Pegawai Siasatan lain yang berkenaan untuk diperiksa secara lisan.

(2) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis oleh Pegawai Siasatan, dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya selepas pernyataan itu dibaca kepadanya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

(3) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (2) enggan menandatangani atau mengecap cap ibu jarinya pada pernyataan itu, Pegawai Siasatan hendaklah mencatatkan pada pernyataan itu dengan ditandatanganinya tentang keengganan itu dan alasannya, jika ada.

(4) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah terikat di sisi undang-undang—

- (a) untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan siasatan yang dia mempunyai kuasa untuk memberikannya;
- (b) untuk menjawab semua soalan yang ditujukan kepadanya oleh Pegawai Siasatan; dan

(c) untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhannya atau sebahagiannya, dalam menjawab soalan.

(5) Bagi maksud subseksyen (1), Pegawai Siasatan yang memeriksa orang itu boleh memberikan arahan tentang orang yang boleh hadir semasa pemeriksaan atau semasa mana-mana bahagian pemeriksaan itu.

(6) Apa-apa pernyataan yang dibuat dan direkodkan di bawah seksyen ini hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah.

(7) Mana-mana orang yang kepadanya notis dikeluarkan di bawah subseksyen (1) tidak boleh—

(a) menolak untuk menjawab apa-apa soalan yang ditujukan kepadanya oleh Pegawai Siasatan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) atau abai untuk memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki semunasabahnya daripadanya dan yang dia mempunyai kuasa untuk memberikannya; atau

(b) dengan disedarinya memberi Pegawai Siasatan maklumat atau pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir matan.

(8) Bagi maksud Penggal ini, apa-apa notis yang diberikan hendaklah, jika praktik, disampaikan sendiri kepada mana-mana orang yang dinyatakan dalam notis itu.

(9) Jika mana-mana orang yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah seksyen ini atau mana-mana peruntukan lain Penggal ini tidak dapat dijumpai setelah usaha yang wajar dilakukan, notis itu boleh disampaikan dengan meninggalkan suatu salinannya untuk orang itu dengan mana-mana anggota keluarganya yang dewasa atau dengan pembantu rumahnya yang tinggal dengannya.

(10) Apabila mana-mana orang yang dinyatakan dalam mana-mana notis yang diberikan di bawah seksyen ini atau mana-mana peruntukan lain Penggal ini tidak dapat dijumpai setelah usaha yang wajar dilakukan, dan penyampaian tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang diarahkan oleh

subseksyen (8), suatu salinan notis itu hendaklah ditampalkan pada mana-mana bahagian yang mudah dilihat rumah atau mana-mana tempat lain yang lazimnya didiami oleh orang yang dinyatakan dalam notis itu, dan dalam hal sedemikian notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya.

Pemeriksaan dan siasatan penyata kewangan disatukan

31y. Bagi maksud Penggal ini dan, dalam hal penyata kewangan disatukan entiti berkepentingan awam, kuasa yang diberikan kepada Lembaga Pemantauan Audit dan pegawainya, atau orang yang diberi kuasa oleh Lembaga Pemantauan Audit untuk memeriksa atau untuk menyiasat penyata kewangan sedemikian hendaklah terpakai berhubungan dengan akaun, kertas kerja dan dokumen yang disediakan oleh juruaudit subsidiari atau syarikat bersekutu entiti berkepentingan awam itu.

PENGGAL 7

Sanksi

Sanksi

31z. (1) Jika mana-mana orang melanggar atau tidak mematuhi, menurut, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana yang berikut, orang itu melakukan suatu pelanggaran:

- (a) mana-mana peruntukan Bahagian ini;
- (b) mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 31o(4); atau
- (c) mana-mana notis bertulis atau garis panduan yang dikenakan atau dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Jika seseorang telah melakukan pelanggaran di bawah subseksyen (1), Lembaga Pemantauan Audit boleh mengambil satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang yang berkenaan supaya mematuhi peruntukan Bahagian ini atau mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 31o(4), atau mana-mana notis bertulis atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

- (b) mencela orang yang berkeñaan;
- (c) menghendaki orang yang berkeñaan supaya mengambil apa-apa langkah, sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga Pemantauan Audit, untuk meremedikan pelanggaran itu;
- (d) menghendaki supaya pendidikan profesional yang berkaitan dijalani oleh orang yang berkeñaan;
- (e) melantik seorang penyemak semula untuk memantau audit yang dijalankan oleh orang yang berkeñaan;
- (f) melarang orang yang berkeñaan daripada menerima mana-mana entiti berkepentingan awam sebagai pelanggannya selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan;
- (g) melarang orang yang berkeñaan daripada mengaudit penyata kewangan entiti berkepentingan awam selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau selama-lamanya; dan
- (h) mengenakan penalti tidak melebihi lima ratus ribu ringgit ke atas orang yang berkeñaan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Lembaga Pemantauan Audit boleh menghendaki mana-mana orang yang telah melakukan pelanggaran di bawah subseksyen (1) untuk memberikan suatu aku janji bertulis bahawa orang itu hendaklah mematuhi, menurut, menguatkuasakan atau melaksanakan—

- (a) peruntukan Bahagian ini;
- (b) mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 31o(4); atau
- (c) mana-mana notis bertulis atau garis panduan yang dikenakan atau dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai bagi mana-mana orang yang telah melakukan pelanggaran di bawah subseksyen (1) dan telah dilarang daripada mengaudit penyata kewangan entiti berkepentingan awam selama-lamanya menurut perenggan 2(g).

(5) Lembaga Pemantauan Audit tidak boleh mengambil mana-mana tindakan di bawah subseksyen (2) tanpa memberi orang yang berkeñaan peluang untuk didengar.

(6) Jika orang yang berkeenaan tidak membayar penalti yang dikenakan di bawah perenggan (2)(h), saman boleh dikeluarkan bagi penalti itu dan penalti itu boleh didapatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Suruhanjaya.

(7) Apa-apa wang yang diperoleh daripada penalti yang dikenakan di bawah perenggan (2)(h), hendaklah digunakan untuk merancang dan melaksanakan program membina keupayaan yang berhubungan dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

(8) Jika atas permohonan oleh Suruhanjaya, mahkamah mendapati bahawa orang yang telah melakukan pelanggaran di bawah subseksyen (1) tidak mematuhi mana-mana tindakan yang diambil oleh Lembaga Pemantauan Audit di bawah subseksyen (2) atau (3), mahkamah boleh membuat suatu perintah yang mengarahkan orang itu supaya mematuhi arahan, kehendak atau terma-terma aku janji itu yang dikeluarkan oleh Lembaga Pemantauan Audit.

(9) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Suruhanjaya atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang lain daripada mengambil apa-apa tindakan lain yang boleh diambil oleh mereka di bawah undang-undang bertulis atau undang-undang kecil masing-masing mereka.

PENGGAL 8

Am

Kuasa Menteri untuk meminda Jadual 1

31ZA. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda mana-mana Jadual dalam Akta ini.

Rayuan

31ZB. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga Pemantauan Audit di bawah subseksyen 31P(1), seksyen 31Q atau subseksyen 31Z(2) boleh merayu secara bertulis kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh orang itu diberitahu tentang keputusan Lembaga Pemantauan Audit.

(2) Suruhanjaya hendaklah menentukan tatacaranya sendiri dalam mendengar rayuan di bawah Bahagian ini.

(3) Bagi maksud rayuan di bawah Bahagian ini, Suruhanjaya boleh—

- (a) mengesahkan keputusan Lembaga Pemantauan Audit;
- (b) mengetepikan keputusan Lembaga Pemantauan Audit; atau
- (c) menggantikan keputusan Lembaga Pemantauan Audit dengan keputusannya sendiri.

(4) Suruhanjaya hendaklah memutuskan sesuatu rayuan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rayuan itu dibuat.

(5) Jika terdapat rayuan terhadap keputusan Lembaga Pemantauan Audit di bawah seksyen ini, keputusan Lembaga Pemantauan Audit di bawah subseksyen 31p(1), seksyen 31q atau subseksyen 31z(2) tidak boleh dilaksanakan sehingga rayuan itu diputuskan.

Kewajipan untuk melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan

31zc. Walau apa pun seksyen 148, Lembaga Pemantauan Audit hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan jika ia mengetahui apa-apa pelanggaran mana-mana undang-undang atau tatalaku yang ditadbirkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan itu.

Kerjasama dan penyelarasan

31zd. (1) Bagi maksud menggalakkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit, Suruhanjaya boleh—

- (a) membuat perkiraan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan atau pihak berkuasa asing yang berkaitan; dan
- (b) mendapatkan apa-apa maklumat atau dokumen daripada atau berkongsi apa-apa maklumat atau dokumen dengan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan atau pihak berkuasa asing yang berkaitan jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya untuk berbuat demikian.

(2) Dalam seksyen ini, “pihak berkuasa asing yang berkaitan” ertinya pihak berkuasa asing yang menjalankan fungsi yang bersamaan dengan Lembaga Pemantauan Audit yang disebut dalam seksyen 31B.”.

Pindaan seksyen 148

5. Seksyen 148 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Kecuali bagi apa-apa maksud undang-undang sekuriti atau bagi maksud mana-mana prosiding guaman atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika dibenarkan selainnya oleh Suruhanjaya atau tertakluk kepada seksyen 124 Akta Keterangan 1950, mana-mana—

- (a) anggota Suruhanjaya;
- (b) anggota Majlis Penasihat Syariah;
- (c) anggota Lembaga Pemantauan Audit;
- (d) anggota mana-mana jawatankuasa Suruhanjaya, Majlis Penasihat Syariah atau Lembaga Pemantauan Audit;
- (e) pegawai, pekhidmat atau ejen Suruhanjaya; atau
- (f) orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat—
 - (i) Suruhanjaya;
 - (ii) mana-mana jawatankuasa Suruhanjaya;
 - (iii) Majlis Penasihat Syariah; atau
 - (iv) Lembaga Pemantauan Audit,

tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut undang-undang sekuriti.”.

Pindaan seksyen 160

6. Seksyen 160 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana anggota Suruhanjaya” perkataan “atau Majlis Penasihat Syariah atau Lembaga Pemantauan Audit, mana-mana anggota”;

- (b) dengan memotong perkataan “atau” yang terdapat sebelum perkataan “mana-mana jawatankuasa”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya” perkataan “atau Majlis Penasihat Syariah atau Lembaga Pemantauan Audit”.

Jadual baru 1 dan 2

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 166 Jadual yang berikut:

“JADUAL 1

[Seksyen 31A]

- (a) suatu syarikat tersenarai awam atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham;
- (b) suatu institusi berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*];
- (c) suatu syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*];
- (d) suatu pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*];
- (e) suatu bank islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*];
- (f) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
- (g) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti terkawal bagi berniaga dalam sekuriti, berdagang dalam kontrak niaga hadapan atau pengurusan kumpulan wang; dan
- (h) mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL 2

[Seksyen 31D]

Peletakan jawatan

1. Seseorang anggota Lembaga Pemantauan Audit boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Suruhanjaya.

Tempoh jawatan

2. (1) Seseorang pengerusi eksekutif Lembaga Pemantauan Audit hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Seseorang anggota bukan eksekutif Lembaga Pemantauan Audit hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula selama tidak lebih daripada dua penggal.

Saraan

3. Pengerusi eksekutif dan anggota bukan eksekutif Lembaga Pemantauan Audit boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Pengosongan jawatan

4. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun; atau
 - (iv) suatu kesalahan di bawah seksyen 31G;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga Pemantauan Audit tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; atau
- (e) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya.

(2) Jika seseorang terhenti menjadi anggota Lembaga Pemantauan Audit, Suruhanjaya boleh melantik orang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh pelantikan anggota yang digantinya itu.

(3) Lembaga Pemantauan Audit boleh bertindak walaupun terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya.

Mesyuarat

5. (1) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah bermesyuarat pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh pengerusi eksekutif dari semasa ke semasa.

(2) Kuorum Lembaga Pemantauan Audit ialah tiga orang.

(3) Pengerusi eksekutif Lembaga Pemantauan Audit hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga Pemantauan Audit dan semasa ketidakhadirannya, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang pengerusi sementara daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat.

(4) Tiap-tiap anggota yang hadir berhak mendapat satu undi dan jika mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Lembaga Pemantauan Audit terdapat bilangan undi yang sama banyak, pengerusi eksekutif atau pengerusi sementara hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, Lembaga Pemantauan Audit boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(6) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.”.

Peruntukan kecualian

8. Sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, seseorang juruaudit yang diluluskan sebagai juruaudit syarikat di bawah seksyen 8 Akta Syarikat 1965 dan diambil khidmat untuk mengaudit akaun mana-mana entiti berkepentingan awam hendaklah dibenarkan untuk terus mengaudit akaun entiti berkepentingan awam itu selama tempoh satu tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pemantauan Audit.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (“Akta 498”) terutamanya untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Pemantauan Audit dan perkara lain yang berkaitan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan takrif “Lembaga Pemantauan Audit” dan “Majlis Penasihat Syariah” yang berbangkit daripada, antara lainnya, penubuhan Lembaga itu di bawah Bahagian baru IIIA Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 498 untuk meluaskan fungsi Suruhanjaya, iaitu, untuk menggalakkan dan membangunkan suatu kerangka kerja pemantauan audit yang berkesan di Malaysia.
5. Bahagian baru IIIA yang dimasukkan dalam Akta 498 melalui *fasal 4* mengadakan peruntukan bagi perkara berkaitan dengan Lembaga Pemantauan Audit seperti yang berikut:
 - (a) Penggal 1 memperkatakan perkara permulaan;
 - (b) penubuhan dan fungsi Lembaga Pemantauan Audit diperuntukkan dalam Penggal 2;
 - (c) Penggal 3 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kewangan;
 - (d) Penggal 4 mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam dan perkara yang berhubungan dengan pembatalan dan penggantungan pendaftaran;
 - (e) Penggal 5 memperkatakan piawaian pengauditan dan etika yang hendaklah dipatuhi oleh seseorang juruaudit;
 - (f) kuasa Lembaga Pemantauan Audit untuk menjalankan pemeriksaan dan siasatan dinyatakan dalam Penggal 6;
 - (g) Penggal 7 menetapkan alasan bagi sanksi dan sanksi yang boleh dikenakan oleh Lembaga Pemantauan Audit terhadap orang yang berkenaan; dan
 - (h) Penggal 8 mengadakan peruntukan bagi perkara am seperti kuasa Menteri untuk meminda Jadual yang berkaitan, rayuan dan kerjasama dan penyelarasan dengan pihak berkuasa yang berkaitan.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 148 Akta 498 untuk meluaskan obligasi kerahsiaan kepada anggota Lembaga Pemantauan Audit dan Majlis Penasihat Syariah, dan kepada orang yang menghadiri mesyuarat mereka.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 160 Akta 498 untuk meluaskan ruang lingkup indemniti kepada anggota Lembaga Pemantauan Audit dan Majlis Penasihat Syariah, dan mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh mereka.
8. Bagi maksud seksyen 31A dan 31D, dua Jadual baru, iaitu, Jadual 1 dan 2 dimasukkan dalam Akta 498 melalui *fasal 7*.

9. *Fasal 8* memperkatakan peruntukan kecualian yang berhubungan dengan juruaudit yang diluluskan di bawah Akta Syarikat 1965 dan diambil khidmat untuk mengaudit akaun mana-mana entiti berkepentingan awam sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2690]